

Hadi boleh diambil tindakan: PM

BH 20 SEP 2002

Oleh Kadir Dikoh dan Munaarfah Abu Bakar

PUTRAJAYA, Khamis – Ketua Pembangkang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang boleh diambil tindakan jika didapati sengaja menghasut pegawai kerajaan bagi mendapatkan maklumat sulit kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, pegawai yang mendedahkan rahsia kerajaan juga boleh dikenakan tindakan jika terbukti berbuat demikian.

“Saya tak tahu sama ada benar atau tidak benar tetapi kalau dia (Abdul Hadi) sengaja menghasut pegawai, itu adalah satu kesalahan... sama juga kalau pe-

gawai yang telah mendedahkan sesuatu rahsia kerajaan.

“Orang yang sengaja boleh dikatakan bersubhat. Jadi saya fikir mungkin pihak bertanggungjawab akan mengambil tindakan. Kalau macam ini, payahlah nak ada kerajaan,” katanya selepas meninjau persiapan terakhir penyediaan ucapan Belanjawan 2003 di Kementerian Kewangan di sini malam ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan diminta mengulas kenyataan Hadi sebelum ini bahawa belanjawan alternatif 2003 yang dibentangkan pembangkang dibuat berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pegawai kerajaan.

Dr Mahathir berkata, jika Pas memerintah negara ini, pasti ia akan marah sekiranya ada orang mendedah-

kan semua yang dilakukannya.

“Dia pun tentu marah. Jadi jangan buat benda yang kita sendiri tak suka kalau berlaku kepada diri kita. Jangan kita buat kepada orang lain, tak baik. Janganlah bayar duit kepada pegawai untuk dapat maklumat dan sebagainya...ini benda salah,” katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata tindakan mendapatkan maklumat rahsia kerajaan adalah menyalahi undang-undang.

“Sepatutnya beliau (Hadi) tahu jika sesuatu fakta itu berpunca dari dokumen rasmi kerajaan, dia tidak perlu terima dan ia salah dari segi undang-undang.

“Itu (kesalahan) tak ada

dalam undang-undang hudud (kerajaan Terengganu) tapi dalam undang-undang negara ia tetap jadi kesalahan,” katanya selepas pertandingan akhir Pidato Pencegahan Rasuah Pra Universiti Peringkat Kebangsaan 2002 di Auditorium Parcel D, di sini, hari ini.

Pertandingan Piala Datuk Seri Dr Rais Yatim kali ketiga itu dianjurkan Badan Pencegah Rasuah (BPR), Kementerian Pendidikan serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Bagaimanapun, Rais berkata, kerajaan tidak akan terburu-buru menyiasat dakwaan Menteri Besar Terengganu itu kerana Hadi mungkin hanya mahu memburukan imej pihak tertentu.

Pada sidang akhbar itu, Rais mempersoalkan

Transparency International (TI) yang meletakkan Malaysia di tangga ke 33 dari 91 negara dalam senarai Indeks Persepsi Rasuah (CPI), tahun ini.

“Kerajaan ingin tahu modul bagaimana mereka buat penilaian terhadap sebuah negara. Contohnya sama ada mereka ada mewawancara polis, Jabatan Peguam Negara dan BPR sendiri.

“Ini penting diketahui supaya laporan itu adil dan objektif di samping kerajaan juga ingin memberi pandangan mereka,” katanya.